

Pemandu terselamat, kereta jatuh gaung

SEREMBAN 12 Mac - Berpantang maut sebelum ajal. Peribahasa ini sesuai bagi menggambarkan nasib seorang lelaki yang terselamat daripada maut walaupun kenderaannya terbabas dan berpusing beberapa kali sebelum jatuh ke dalam gaung sedalam 50 meter.

Kemalangan yang hampir mera-gut nyawa lelaki itu berlaku pukul 10 malam tadi di Kilometer 11.2, Jalan Seremban-Mantin di sini dan ia dikatakan berpunca daripada tin-dakan pemuda tersebut, R. Ganes-kumar, 24, cuba mengelak daripada melanggar seekor anjing yang me-lintas jalan.

Ganeskumar hanya cedera ri-ngen dan terpaksa mendaki gaung itu selama setengah jam sebelum menghubungi rakannya untuk me-minta bantuan.

Ketika kejadian, dia dalam per-jalan dari rumahnya di Lukut menghala ke Kolej Legenda Mantin sebelum kereta Toyota Corolla yang dipandunya gagal dikawal lalu ber-pusing beberapa kali sebelum ter-babas ke dalam gaung kerana meng-elak seekor anjing melintas jalan.

Ganeskumar yang masih terkejut dengan kejadian itu memberitahu, dia ternampak seekor anjing tiba-tiba melintas jalan di kawasan se-lekok laluan itu.

"Ketika itu, keadaan jalan agak licin selepas hujan. Sebaik sahaja anjing itu melintas, saya cuba mengelak namun kenderaan saya hilang kawalan biarpun saya me-nekan brek.

"Saya hanya mampu memegang stereng sekutu hati dan berdoa supa-y ter selamat," katanya ketika di-

temui di tempat kejadian hari ini.

Ganeskumar memberitahu, kere-ta yang dipandunya berpusing be-berapa kali sebelum terjatuh gaung sedalam 50 meter.

Menurutnya, selepas itu, dia keluar dari kenderaan menerusi pintu penumpang dan mendaki gaung ki-ra-kira setengah jam sebelum tiba di jalan raya.

Dia segera menghubungi rakan-nya di kolej untuk meminta bantuan dan dibawa ke hospital oleh rakan-nya yang tiba tidak lama kemudian.

"Kalau melihat keadaan gaung itu, sudah pasti ramai yang anggap mereka yang terlibat dalam nahas seperti ini akan maut.

"Saya bersyukur kerana tersela-mat dalam nahas ini dan hanya me-ngalami cedera ringan," katanya.